



FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SHAH ALAM

SESI SEPTEMBER 2013 – JANUARI 2014

PENGURUSAN RISIKO DALAM PERSEMBAHAN PENTAS :

SATU KAJIAN TERHADAP KONSERT WINGS ROCKESTRA 2013

NUR KHAIRUNNISA' BINTI ABDUL HAMID

2010160525

IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KREATIF

(PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF) KEPUJIAN – CT226

**PENGURUSAN RISIKO DALAM PERSEMPAHAN PENTAS :
SATU KAJIAN TERHADAP KONSERT WINGS ROCKESTRA 2013**

NUR KHAIRUNNISA' BINTI ABDUL HAMID

2010160525

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
MUDA TEKNOLOGI KREATIF (PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF)**

KEPUJIAN – CT226

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)
SESI SEPTEMBER 2013 – JANUARI 2014**

FAKULTI FILEM, TEATER, DAN ANIMASI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SHAH ALAM

SESI SEPTEMBER 2013 – JANUARI 2014

DENGANINI MENGESAHKAN

PELAJAR: NUR KHAIRUNNISA' BINTI ABDUL HAMID

NO MATRIK: 2010160525

TELAH MEMENUHI SEGALA SYARAT YANG TELAH DITETAPKAN

OLEH JAWATANKUASA KHAS YANG DILANTIK OLEH FAKULTI

FILEM, TEATER, DAN ANIMASI UiTM SHAH ALAM

DAN TELAH MENERIMA HASIL KERJA INI PADA

.....

DI HADAPAN PENYELIA

KENCHANA WATI MD YUSOFF

.....

TANDATANGAN

DEKAN

PROF. MADYA A.RAZAK MOHAIDEEN

.....

TANDATANGAN

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali terdapat petikan pendapat-pendapat dan karya-karya yang setiap satunya telah saya maklumkan sumbernya. Kajian ilmiah ini juga tidak pernah dihantar ke mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk sebarang ijazah atau kelulusan.

Nama Pelajar : Nur Khairunnisa' Binti Abdul Hamid

No. Matrik : 2010160525

Program : Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Pengurusan Industri Kreatif) Kepujian – CT226

Tajuk Kajian : Pengurusan Risiko Dalam Persembahan Pentas :
Satu Kajian Terhadap Konsert Wings Rockestra 2013

Tandatangan :

Tarikh :

ABSTRAK

Kajian ilmiah ini bertumpu kepada pengurusan risiko yang terdapat dalam persembahan pentas Konsert Wings Rockestra 2013. Ia telah berlangsung pada 26, 27, 28 dan 30 April 2013 di Panggung Sari, Istana Budaya. Penulis membuat kajian lapangan terhadap pihak penganjur konsert dan pihak Istana Budaya. Kajian ini menggunakan kualitatif sebagai paradigma dalam kajian dengan memilih temubual sebagai kaedah utama. Kajian ilmiah ini memberi pengkhususan kepada pengurusan risiko yang melibatkan proses mengenalpasti, menganalisis, mengawal, memberi respon dan yang terakhir memantau sebarang kemungkinan risiko yang ada. Seterusnya, penulis mengaplikasi Teori Gelombang Ketiga yang diperkenalkan oleh Toffler dan Teori Undang-undang Murphy dalam menghuraikan hasil kajian. Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, penulis mendapati proses merancang dan membuat keputusan oleh pihak penganjur konsert melibatkan amalan pengurusan risiko yang baik dan mengikut proses seperti yang dinyatakan oleh Toffler dalam Teori Gelombang Ketiga dan disokong oleh teori Undang-undang Murphy. Pihak penganjur konsert turut menjadikan konsert yang lepas iaitu Konsert Wings Opera Hidup 2011 sebagai bahan eksperimen untuk menghasilkan persembahan yang lebih baik bagi tahun 2013. Bagi pihak IB pula, penulis mendapati mereka hanya berpegang teguh kepada peraturan dan protokol yang telah sedia ada sahaja. Oleh itu, penulis menyarankan agar Wings perlu lebih peka mengenai tarikh-tarikh penting dalam negara untuk merancang persembahan pada masa hadapan supaya tidak terdapat pertindihan waktu seperti konsert kali ini yang menyukarkan perolehan penajaan dan mengurangkan jumlah jualan tiket. Memandangkan IB menyediakan ruang pentas persembahan peringkat antarabangsa, sewajarnya pihak Istana Budaya perlu menyediakan dokumentasi yang hampir sama dengan Pelan Kawalan Risiko yang dibuat oleh pihak Safework SA di Selatan Australia bagi menjamin keselamatan semua pihak lebih terpelihara.